



PROSEDUR KERJA SELAMAT SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

PEMAKAIAN PROSEDUR




SKOP PROSEDUR KERJA SELAMAT






AKTIVITI 1: **KEMASUKAN MANA-MANA ORANG KE TEMPAT KERJA**




PROSEDUR SEBELUM MASUK KE TEMPAT KERJA

- Setiap anggota yang hendak memasuki tempat kerja digalakkan memakai penutup hidung dan mulut (facemask) dengan tatacara pemakaian yang betul;
- Menjalani pengukuran suhu badan (rujuk Prosedur Saringan Suhu Badan) sebelum masuk;
- Melaporkan diri kepada petugas (bagi anggota) atau pengawal keselamatan bertugas untuk merekodkan kehadiran dan mengisi borang (bagi pelawat);
- Mematuhi penjarakan sosial dengan mempraktikkan tidak bersalaman dan kerap mencuci tangan sama ada menggunakan air dan sabun (digalakkan) atau hand sanitizer (sekiranya tiada kemudahan mencuci tangan);




PROSEDUR SEBELUM MASUK KE TEMPAT KERJA

- Individu yang terlibat sebagaimana senarai di bawah tidak dibenarkan masuk ke tempat kerja:
 - ✓ Individu yang gagal saringan kesihatan
 - ✓ Person Under Surveillance (PUS)
 - ✓ Person Under Investigation (PUI)
 - ✓ Individu yang mempunyai gejala COVID-19 (demam / batuk / sesak nafas)
 - ✓ Individu terlibat daripada kluster yang disenaraikan oleh KKM atau dipercayai telah dijangkiti COVID-19



AKTIVITI 2: **SARINGAN SUHU BADAN**



PROSEDUR SARINGAN SUHU BADAN

- Setiap pekerja yang hadir bertugas hendaklah melalui proses saringan suhu badan oleh petugas yang bertugas di pintu-pintu masuk tempat kerja;
- Mempraktikkan penjarakan sosial satu (1) meter semasa proses saringan suhu badan berjalan;
- Individu dengan suhu badan 37.5°C atau lebih tidak dibenarkan masuk dan perlu dirujuk serta-merta ke Klinik Kesihatan Bandar Penawar;
- Melaporkan diri kepada petugas yang bertugas setelah melepassi saringan suhu badan melalui buku rekod dan borang yang telah disediakan;
- Petugas yang bertugas perlu mencuci tangan sebaik sahaja selesai proses saringan suhu badan

PROSEDUR SARINGAN SUHU BADAN





CARTA ALIR PROSEDUR SARINGAN SUHU BADAN

Perlu dirujuk terus ke Klinik Kesihatan Bandar Penawar bagi prosedur perubatan


Jalani prosedur kesihatan oleh pihak KKM

Tamat





AKTIVITI 3: **DISINFEKSI TEMPAT KERJA**




PROSEDUR DISINFEKSI TEMPAT KERJA

- Menjalankan pembasmian kuman sebagaimana **Garis Panduan Pembersihan dan Disinfeksi di Tempat Awam** keluaran Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
- Memastikan petugas yang melaksanakan disinfeksi memakai peralatan perlindungan diri / personal protective equipment (PPE) yang bersesuaian dan mencukupi;
- Menjalankan disinfeksi dengan menggunakan bahan-bahan disinfeksi yang bersesuaian yang dibancuh menggunakan sodium hipochlorite atau bahan peluntur dan air paip dengan nisbah 1:9 (peluntur / air paip) mematuhi sebagaimana Garis Panduan;
- Mengutamakan kawasan berpotensi yang sering disentuh yang boleh dicapai dengan tangan (**kerusi, meja, tombol pintu, tandas, suis lampu dan kipas, rel tangga, papan kekunci komputer, dan lain-lain tempat yang dirasakan perlu**);



PROSEDUR DISINFEKSI TEMPAT KERJA

- Memastikan semua petugas yang menjalankan disinfeksi mencuci tangan selepas semua peralatan perlindungan diri dibuka serta membuang peralatan perlindungan diri pakai buang dengan rapi;
- Sentiasa mengambil perhatian ke atas aspek keselamatan pada setiap masa sebelum, semasa, dan selepas menjalankan kerja-kerja disinfeksi;



PROSEDUR DISINFEKSI TEMPAT KERJA

E															
<p style="text-align: center;">Jadual 3. Senarai Personal Protective Equipment (PPE)</p> <table border="1"><thead><tr><th>No.</th><th>PPE</th></tr></thead><tbody><tr><td>1.</td><td>Sarung tangan getah (pakai buang)</td></tr><tr><td>2.</td><td>Penutup hidung dan mulut<ul style="list-style-type: none">- 3 ply mask untuk kegunaan dalam bangunan- Chemical respirator untuk pembancuhan dan semburan</td></tr><tr><td>3.</td><td>Apron plastik</td></tr><tr><td>4.</td><td>Kasut Boot Getah</td></tr><tr><td>5.</td><td>Goggle atau face shield</td></tr><tr><td>6.</td><td>Long-sleeved gowns</td></tr></tbody></table>		No.	PPE	1.	Sarung tangan getah (pakai buang)	2.	Penutup hidung dan mulut <ul style="list-style-type: none">- 3 ply mask untuk kegunaan dalam bangunan- Chemical respirator untuk pembancuhan dan semburan	3.	Apron plastik	4.	Kasut Boot Getah	5.	Goggle atau face shield	6.	Long-sleeved gowns
No.	PPE														
1.	Sarung tangan getah (pakai buang)														
2.	Penutup hidung dan mulut <ul style="list-style-type: none">- 3 ply mask untuk kegunaan dalam bangunan- Chemical respirator untuk pembancuhan dan semburan														
3.	Apron plastik														
4.	Kasut Boot Getah														
5.	Goggle atau face shield														
6.	Long-sleeved gowns														

2. Proses semasa pembersihan dan disinfeksi

- a. Basuh tangan dengan air dan sabun sebelum pembersihan dan disinfeksi dijalankan.
- b. Pakai PPE yang bersesuaian sebelum memulakan proses pembersihan dan disinfeksi
- c. Bersihkan permukaan yang hendak disinfeksi terlebih dahulu.
- d. Lakukan disinfeksi mengikut kesesuaian tempat seperti berikut:

(i) Kaedah disinfeksi kawasan di tempat awam (dalam bangunan).

- Pastikan kawasan yang hendak disinfeksi ditutup kepada orang awam.
- Buka tingkap untuk pengudaraan.
- Lap semua permukaan terutamanya permukaan yang **sering disentuh** seperti butang lif, re, pemegang tangan, tombol pintu, kerusi, meja, suis lampu dan kipas, papan bekunci komputer, dan permukaan tandas duduk menggunakan bahan disinfeksi. Permukaan ini hendaklah dipastikan kering selepas disinfeksi.
- Semua permukaan lantai dan dinding (kecuali ketinggian yang boleh dicapai oleh tangan) disembur larutan disinfeksi.
- Lap permukaan barang elektrik menggunakan kain lap yang mengandungi larutan disinfeksi.
- Mop lantai menggunakan larutan disinfeksi.
- Sembur lantai karpet menggunakan larutan disinfeksi.
- Kawasan yang disinfeksi tidak boleh digunakan sehingga hari berikutnya.

**Garis Panduan
Pembersihan dan
Disinfeksi di Tempat
Awam**

**Kementerian
Kesihatan Malaysia
(KKM), 2020**



PROSEDUR TAMBAHAN DISINFEKSI TEMPAT KERJA

- Tandas awam akan didisinfeksi dua (2) kali sehari (pagi dan petang) mengikut kawasan dan papan tanda akan dinaikkan semasa kerja-kerja disinfeksi berjalan;
- Kawasan yang telah dibuat disinfeksi hanya boleh digunakan **selepas satu (1) jam** proses disinfeksi selesai;
 - ✓ Bagi kawasan bilik air dan lain-lain kawasan, sekurang-kurangnya satu (1) jam selepas disinfeksi
 - ✓ Bagi kawasan surau, sekurang-kurangnya dua (2) jam selepas proses disinfeksi
- Bagi kawasan pekerja peribadi, setiap anggota adalah digalakkan mengelap permukaan meja, kerusi, papan kekunci komputer, dan lain-lain peralatan kerja dengan kerap menggunakan penyembur tangan (*hand sprayer*) dan kain. Bahan disinfeksi boleh didapatkan di Jab. Keselamatan Industri & Kesejahteraan Rakyat;
- Kerap mencuci tangan sama ada menggunakan air dan sabun (digalakkan) atau *hand sanitizer* (sekiranya tiada kemudahan mencuci tangan) sebelum dan selepas proses disinfeksi kawasan kerja masing-masing selesai;




AKTIVITI 4: **PENGENDALIAN INDIVIDU DENGAN GEJALA COVID-19**

PROSEDUR UMUM PERUBATAN BAGI PENYAKIT COVID-19

Secara umumnya aktiviti yang terlibat adalah:



1. Pesakit disahkan positif melalui ujian makmal.



2. Dimasukkan ke wad isolasi untuk rawatan (*symptomatic treatment*).



3. Jika ada keperluan, ubat antiviral akan diberikan.



4. Pengawasan berterusan ke atas pesakit yang dirawat di wad isolasi.



5. Discaj-Sekiranya ujian ulangan adalah negatif.



6. Pesakit yang gagal diselamatkan perlu dijalankan proses pengebumian.



PROSEDUR PENGENDALIAN INDIVIDU DENGAN GEJALA COVID-19


- Pengendalian individu dengan gejala COVID-19 adalah tertakluk semasa waktu bekerja sahaja, iaitu bagi pekerja yang menampakkan gejala COVID-19 semasa sedang bekerja:
 - ✓ Demam
 - ✓ Batuk yang teruk
 - ✓ Sesak nafas
- Pekerja yang menampakkan gejala di atas perlu segera diisolasi dan dimaklumkan kepada ketua jabatan pada kadar segera;
- Perlu direkodkan di dalam rekod kedatangan harian bagi tindakan pengesanan kontak (*contact tracing*) oleh pihak KKM;



PROSEDUR PENGENDALIAN INDIVIDU DENGAN GEJALA COVID-19


- Pekerja kemudian perlu dirujuk dengan segera ke Klinik Kesihatan Bandar Penawar;
- Pengenalpastian kawasan-kawasan yang terlibat akan dijalankan untuk tujuan pembersihan dan disinfeksi

CARTA ALIR PROSEDUR PENGENDALIAN INDIVIDU DENGAN GEJALA COVID-19




CEGAH GELOMBANG KETIGA

 **Amalkan norma baru**



 **Tidak amalkan norma baru**

- Tiada penjarakan sosial
- Masih ikut etika kerja lama yang tidak lagi norma
- Perhimpunan besar-besaran
- Balik beraya dan berkumpul



PHM
Public Health Malaysia